

# Tan Sri Ghani Gilong terima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah UMS

Oleh SURAIDAH ROSLAN

UB 19.11.2017 A3

KOTA KINABALU: Mantan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan Malaysia Tan Sri Ghani Gilong dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Universiti Malaysia Sabah (UMS) sempena Majlis Konvokesyen UMS ke-19.

Beliau melahirkan perasaan terharu apabila segala khidmat baktinya di negeri ini diberi penghargaan besar sebegini.

“Saya tidak pernah terfikir berpeluang naik ke pentas untuk dianugerahkan Ijazah Kerhomat sebegini. Maklum sahaja pelajaran saya setakat sekolah menengah sahaja,” katanya semasa menyampaikan ucapan balas dalam majlis berkenaan, di sini pada Sabtu.

Pada Sidang Pertama sesi konvokesyen itu seramai 732 orang penerima Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda Perubatan & Sains Kesihatan.

Sementara itu Yang DiPertua Negeri Sabah merangkap Canselor UMS Tun Juhar Mahiruddin



**JUHAR** menyampaikan anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah UMS kepada Ghani.

menyarankan graduan UMS supaya menjawai maksud sebenar intergriti bagi membangunkan modal insan yang bermanfaat kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Beliau menasihatkan graduan supaya hidup dengan sifat bersederhana

dan menerapkan nilai murni dalam diri masing-masing agar modal insan berintegriti yang produktif dapat dilahirkan.

Dalam sesi konvokesyen kali ini, seramai 5,313 pelajar UMS bergraduasi. Ia menjadikan jumlah keseluruhan alumni UMS kini mencapai 66,548 orang.